

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

SPU304 - Penganalisaan Dasar Awam

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

1. Masa peperiksaan adalah 3 jam.
2. Jawab **TIGA** dari lima soalan.
3. Semua soalan membawa markah yang sama.
4. Anda boleh menjawab soalan yang mana saja terlebih dahulu.
5. Selamat bekerja, semoga berjaya!

(Jawab **TIGA** soalan sahaja).

1. Apakah yang dimaksudkan dengan:

- (a) Dasar Kawal Atur dan Dasar Kawal Atur Sendiri (*Regulatory and Self-Regulatory Policies*).
- (b) Pengambilan Keputusan Berperingkat-peringkat (*Incrementalism*) dan Pengambilan Keputusan Rasional-Menyeluruh (*Rational Comprehensive*).
- (c) Teori Elit dan implikasi-implikasinya.
- (d) Pencetus ("trigger") dalam Agenda Setting.

[100 markah]

...2/-

2.

Kerajaan disyor kaji semula usia persaraan

KUALA LUMPUR 10 Sept. - Kesatuan-kesatuan sekerja perkhidmatan awam mengesyorkan supaya kerajaan mengkaji semula had usia persaraan anggota sektor awam selaras dengan langkah mengatasi masalah kekurangan kakitangan dan pegawai yang berpengalaman.

Presiden CUEPACS, Mohamad Mat Jid berkata, kerajaan akan mendapat lebih banyak kelebihan sekiranya meningkatkan tahap usia persaraan yang diamalkan pada masa sekarang.

Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan kerajaan supaya membenarkan kakitangan awam berkhidmat sehingga usia 60 tahun sebagaimana diamalkan di negara-negara lain termasuk Singapura.

"Sekiranya kerajaan mengambil tindakan melanjutkan tempoh perkhidmatan beberapa pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi, kami tidak nampak rasional mengapa kakitangan perkhidmatan awam yang lain dinafikan keistimewaan tersebut".

"Kami bukan mempertikaikan keputusan kerajaan tetapi hasrat anggota-anggota awam ialah semula pihak diberi peluang memandangkan majoriti kakitangan awam khususnya guru mempunyai pengalaman dalam bidang masing-masing," katanya

Beliau menyatakan demikian sebagai mengulas keputusan kerajaan melanjutkan tempoh perkhidmatan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid selama setahun lagi mulai 17 September ini.

"Utusan", 11 September 1995

Tempatkan diri anda sebagai seorang penganalisa dasar awam yang profesional. Anda diminta oleh kerajaan untuk mengkaji perkara tersebut di atas. Anda memutuskan untuk mengkaji perkara ini dengan cara Penganalisaan Dasar Awam yang Klasik. Jelaskan tindakan-tindakan yang anda ambil dalam usaha anda untuk menasihatkan kerajaan.

[100 markah]

3. Proses Penganalisaan Dasar Awam dapat ditinjau dari beberapa segi. Profesor Anderson dan Profesor Lindblom mempunyai pandangan masing-masing dalam penganalisaan dasar awam. Huraikan dan bandingkan proses penganalisaan dasar awam menurut Anderson dan Lindblom.

[100 markah]

...3/-

[SPU 304]

4. Pilih **satu** dari lima isu dasar berikut. Tuliskan sebuah eseai bagaimana sesuatu sebab (masalah) yang mendasari isu tersebut dapat dirumuskan menjadi tindakan kerajaan. ("Problem Structuring"). Jelaskan keperluan-keperluan yang harus dipenuhi supaya (a) "masalah" menjadi "isu", dan (b) isu ditempatkan di agenda kerajaan.

- (a) Jenayah kecil
- (b) Pencemaran udara
- (c) Pengangguran
- (d) Keruntuhan bangunan-bangunan
- (e) Pemugaran bukit yang menyalahi undang-undang

[100 markah]

5. Beberapa waktu yang lalu, dikhabarkan bahawa di Pulau Pinang akan ditubuhkan Rapid Transit Elevated System (Sistem Pengangkutan Pesat yang ditinggikan) iaitu Light Rail Transit System. Tuliskan sebuah eseai di mana anda menjelaskan secara sistematik Kajian Pelaksanaan ("Implementation Analysis") yang anda cadangkan untuk perwujudan sistem pengangkutan tersebut.

[100 markah]

-- oo oOo oo --

卷之三